

02/02/1997

Intrakota enggan kembalikan 10 sen

Kamal Ahmad; Izman Ismail; Zulkofli Jamaludin; Raihanah Abdullah
KUALA LUMPUR: Intrakota Komposit Sdn Bhd (Intrakota) tetap tidak akan mengembalikan baki 10 sen kepada penumpang bas yang membayar tambang dengan memasukkan syiling RM1 ke dalam mesin tiket layan diri.

Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom yang juga pemilik Intrakota, Tan Sri Yahaya Ahmad, berkata pihaknya sudah berulang kali mengingatkan penumpang supaya menyediakan wang secukupnya.

Beliau juga mencadangkan pengguna membeli kad yang dijual di semua stesen bas kerana bayaran tambang menggunakan cara itu paling mudah dan dapat mengelak bayaran lebih.

Intrakota mengenakan tambang 90 sen, tetapi kebanyakan penumpang merungut kerana sukar menyediakan siling secukupnya dan terpaksa menggunakan siling RM1.

"Kita tidak dapat membayar balik baki 10 sen itu sebab kita tidak mempunyai mesin penukar wang dan kos mesin itu tinggi, kita kena jaga kos operasi keseluruhannya," katanya kepada pemberita di bilik Bunga Raya Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sebelum ke Langkawi bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas majlis menepung tawar pesawat baru AirAsia di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Setiausaha Am Kesatuan Pekerja Pengangkutan, Zainal Rampak yang mahu Intrakota menjelaskan kedudukan baki 10 sen yang tidak dikembalikan setiap kali penumpang menggunakan syiling RM1.

Zainal turut meminta Intrakota menjelaskan ke mana wang itu dibelanjakan. TWU sudah pun menghantar surat kepada Menteri Pembangunan Usahawan, Mustapa Mohamed, berhubung perkara itu.

Yahaya bagaimanapun berkata, Zainal sebenarnya tidak berpuas hati kerana kakitangan Intrakota memilih untuk keluar daripada menjadi ahli gabungan TWU dan menubuhkan kesatuan dalaman.

Menurut Yahya, keputusan itu diambil secara sukarela selepas kakitangan Intrakota mendapati kemudahan termasuk gaji yang ditawarkan lebih baik berbanding melalui rundingan kesatuan itu. Ketika ini, Intrakota mempunyai 1,400 kakitangan dan lebih 600 bas.

Mengenai arahan Kabinet supaya Intrakota mengemukakan laporan berhubung langkah bagi mengatasi kelemahan pengangkutan awam di ibu negara, Yahaya berkata, pihaknya sudah menyerahkan laporan itu Sabtu lalu.

Beliau memuji laporan secara menyeluruh media mengenai masalah pengangkutan di ibu negara kerana usaha itu mempercepatkan jabatan terbabit mengambil tindakan.

Menurutnya, Intrakota turut mengemukakan cadangan, termasuk meminta pihak berkuasa menguatkuasakan undang-undang jalan raya bagi mengatasi kesesakan, mengenal pasti laluan baru serta mewujudkan terminal baru.

"Selain itu, kita melaksanakan cadangan supaya potongan harga diberi kepada murid sekolah dan kita setuju mulai bulan ini, kita hanya kenakan caj RM10 sebulan, tanpa mengambil kira berapa kali mereka menaiki bas dalam sehari," katanya.

(END)